

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9314**

**SOALAN:**

**Tuan N. Surendran [ Padang Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada air yang dimasak dibekalkan sebagai air minuman pada setiap hari kepada banduan-banduan dipenjara di seluruh Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bekalan air masak sentiasa diberikan kepada semua banduan pada setiap hari untuk dijadikan minuman dan agihan dibuat terutamanya semasa pengagihan makanan atau waktu makan banduan-banduan tersebut.**

**Selain itu, kualiti dan kebersihan air serta makanan juga dipantau oleh pegawai perubatan selaras dengan *Peraturan-peraturan Penjara 2000 di bawah Peraturan 238*, seperti berikut :-**

***“Pemeriksaan makanan, air, pakaian dan sebagainya yang menetapkan bahawa;***

**Pegawai Perubatan hendaklah memeriksa dengan kerapnya makanan banduan, yang telah dimasak dan mentah, dan hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga berkenaan dengan kualiti barang-barang makanan itu, dan juga sama ada pakaian dan kelengkapan tempat tidur mereka cukup, dan apa-apa kekurangan dari segi kualiti, atau kecacatan dari segi kuantiti air, atau apa-apa sebab lain yang mungkin menjejaskan kesihatan banduan-banduan.”**